

Ahad, Apr 08 2018

KEMAMPAHAN DAN KEMAKMURAN EKONOMI NEGARA

Semak semula kadar cukai pendapatan

BH 8/4

Dalam usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi negara, manifesto Barisan Nasional (BN) menjanjikan semakan semula kadar cukai pendapatan individu dan korporat bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif di pasaran serantau.

Ia selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2018 tahun lalu mengumumkan kadar cukai pen-

dapatan individu pemastautin dikurangkan dua peratus bagi banjaran pendapatan bercukai dari RM20,000 sehingga RM70,000.

Penurunan itu dinikmati golongan berpendapatan rendah iaitu M40 atau isi rumah yang berpendapatan di bawah RM9,000 ke bawah.

Sementara itu, kadar cukai untuk golongan pendapatan bercukai RM20,001-RM35,000 turun daripa-

da lima peratus kepada tiga peratus dan RM35,001-RM50,000 pula turun kepada lapan peratus.

Bagi golongan pendapatan bercukai dalam lingkungan RM50,001-RM70,000, kadar cukai diturunkan daripada 16 peratus kepada 14 peratus.

Bagi cukai korporat pula, kadar semasa yang dikenakan kepada syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta adalah

18 peratus bagi RM500,000 yang pertama dan 24 peratus bagi baki seterusnya, manakala kadar semasa syarikat dengan modal berbayar melebihi RM2.5 juta adalah 24 peratus.

Manifesto juga akan menjamin daya tahan ekonomi tempatan akan diperkukuhkan. Justeru, pembabitian Malaysia yang proaktif di dalam bidang ekonomi baharu akan terus diperkasakan.